

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(98)  
Tarikh : 27 September 2023

## Kenyataan Media oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) sebagai Maklum Balas kepada Artikel oleh World of Buzz bertarikh 26 September 2023 dan Artikel oleh USA Today “Top 100 Biggest Tourist Traps Worldwide” bertarikh 24 Ogos 2023

Merujuk kepada artikel baru-baru ini, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang ingin menyatakan perkara berikut:-

PBBPP memahami bahawa setiap pengalaman pengunjung adalah unik dan menghargai semua maklum balas, sama ada positif mahupun negatif. Untuk makluman, Bukit Bendera telah menerima pengunjung selama lebih 100 tahun dan secara purata lebih 1.5 juta pengunjung setiap tahun dalam beberapa tahun kebelakangan ini, meliputi pelbagai citarasa dan jangkauan pengunjung.

Ulasan negatif yang disebutkan telah dipetik oleh penulis daripada *Google reviews* setakat Julai 2023 yang merangkumi ulasan lebih daripada 5 tahun yang lalu. Dalam tempoh tersebut, PBBPP telah menerima lebih 5 juta pengunjung, termasuk semasa wabak pandemik COVID-19.

Artikel tersebut hanya bergantung pada ulasan daripada satu sumber sahaja, iaitu platform *Google reviews* dan daripada 3,737 ulasan (sehingga Julai 2023). Menurut penulis, hanya 21 daripada 3,737 ulasan berpendapat ia adalah perangkap pelancong (0.56%) dan 6 daripada 3,737 ulasan (0.16%) mengatakan ia terlalu *overated*.

Perlu diambil maklum bahawa ia adalah saiz sampel yang kecil daripada 3,737 dan tidak memberikan gambaran yang tepat berdasarkan jumlah pengunjung ke Bukit Bendera dalam tempoh 5 tahun iaitu melebihi 5 juta pengunjung. Metodologi yang digunakan adalah sangat tidak tepat dan cacat kerana analisis hanya berdasarkan ulasan dari satu platform dan ia tidak merangkumi majoriti pengunjung yang mempunyai pengalaman positif di Bukit Bendera.

Untuk memperbesarkan sebilangan kecil ulasan (0.7% daripada 3,737 daripada jumlah *Google reviews* daripada 5 juta pengunjung) dan menyenaraikan Bukit Bendera sebagai tarikan utama di seluruh dunia secara negatif adalah mengelirukan dengan niat yang hanya diketahui oleh penulis sendiri. Walaupun PBBPP menghormati pandangan individu, PBBPP percaya adalah penting untuk mengambil kira data pengunjung Bukit Bendera secara menyeluruh supaya hasil ulasan adalah tidak berat sebelah dan tepat.

Seperti mana-mana destinasi pelancongan popular di seluruh dunia, waktu menunggu di Bukit Bendera pastinya akan menjadi agak lama semasa cuti sekolah, hujung minggu dan cuti umum. PBBPP sentiasa menasihatkan pengunjung untuk datang awal bagi mengelakkan beratur panjang dan merancang perjalanan mereka lebih awal untuk

meningkatkan pengalaman ke destinasi yang wajib dikunjungi di Pulau Pinang, menaiki funikular generasi ketiga di sepanjang landasan funikular yang berusia 100 tahun.

Bukit Bendera merupakan destinasi pelancongan berorientasikan keluarga yang popular dan telah disenaraikan sebagai tapak Rizab Biosfera UNESCO baru-baru ini yang mengekalkan ciri-ciri semula jadi dan sejarahnya. Bukit Bendera terletak dalam rizab hutan hujan semula jadi berusia jutaan tahun yang menawarkan pengunjung pengalaman unik dengan alam semula jadi dan kekayaan warisan sejarahnya. Bukit Bendera tidak akan mempunyai taman tema dan pusat hiburan. PBBPP menggalakkan pengunjung menerokai keindahan semula jadi Bukit Bendera melalui *bypaths* dan laluan mendaki untuk pengunjung merasai alam semula jadi dengan lebih dekat.

PBBPP menawarkan harga yang berpatutan serta memberikan pengalaman yang berharga untuk pengunjung dari dalam dan luar negara menjadikan Bukit Bendera boleh dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat. Harga tiket funikular kekal sebagai salah satu harga paling berpatutan di rantau ini.

PBBPP juga ingin menegaskan bahawa kebanyakan tarikan utama di atas bukit diuruskan secara persendirian termasuk kedai makanan dan minuman dengan harga yang berpatutan. PBBPP mengakui bahawa, seperti mana-mana destinasi pelancongan, sentiasa ada ruang untuk penambahbaikan dan PBBPP komited untuk terus menambah baik. PBBPP mungkin tidak dapat memenuhi jangkauan setiap pengunjung tetapi PBBPP akan terus meningkatkan kemudahan bagi memberikan pengalaman yang berharga dan unik di Rizab Biosfera Bukit Bendera melalui pelbagai aktiviti berorientasikan keluarga dan alam semula jadi.

PBBPP sentiasa menambah baik kemudahan bagi meningkatkan keselesaan dan pengalaman pengunjung. PBBPP dalam perancangan menambah baik dan projek kereta kabel merupakan salah satu penambahbaikan yang akan dijalankan di atas bukit untuk menangani isu kesesakan dan bagi meningkatkan keselesaan pengunjung. Sistem kereta kabel akan membantu mengimbangi kesesakan pengunjung dan lalu lintas serta meningkatkan kebolehpercayaan, keselamatan dan jangka hayat operasi sistem funikular.

Perlu diingat bahawa artikel tersebut telah ditulis oleh sebuah pasukan kad kredit dan PBBPP tidak mengetahui niat penulis dalam menulis artikel ini berdasarkan analisis yang cacat. Namun begitu, PBBPP menghargai minat mereka terhadap Bukit Bendera.

PBBPP terbuka kepada pengkritik dan menggesa semua rakan media untuk bersikap adil dalam penilaian dan analisis mereka terhadap Bukit Bendera. PBBPP akan terus menambah baik dan memastikan ia kekal sebagai destinasi yang wajib dikunjungi oleh generasi akan datang.

PBBPP mengalu-alukan penulis dan pengkritik untuk menerokai keunikan dan merasai pengalaman di Bukit Bendera. "Lihat Alam Semula Jadi, Rasai Sejarah"

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)

Petikan daripada USA Today – Top 100 biggest tourist traps worldwide bertarikh 24 Ogos 2023.

<https://www.usatoday.com/money/blueprint/credit-cards/biggest-tourist-traps-in-the-world/>

**Top 100 Tourist Traps Worldwide**

Search in table

Page 1 of 4 >

|   | Attraction                                   | City / State  | Country       | Region        | Reviews | Tourist trap | Frequency |
|---|--|---------------|---------------|---------------|---------|--------------|-----------|
| 2 | Salem Witch Museum                           | Massachusetts | United States | North America | 9,240   | 113          | 1.22%     |
| 3 | Calico Ghost Town                            | California    | United States | North America | 1,972   | 18           | 0.91%     |
| 4 | Crazy Horse Memorial                         | South Dakota  | United States | North America | 3,821   | 34           | 0.89%     |
| 5 | International UFO Museum and Research Center | New Mexico    | United States | North America | 2,057   | 14           | 0.68%     |
| 6 | Blue Lagoon                                  | Grindavik     | Iceland       | Europe        | 26,259  | 171          | 0.65%     |
| 7 | Voodoo Doughnut                              | Oregon        | United States | North America | 17,827  | 106          | 0.59%     |
| 8 | Capilano Suspension Bridge                   | Vancouver     | Canada        | North America | 27,179  | 161          | 0.59%     |
| 9 | Penang Hill                                  | Penang        | Malaysia      | Asia          | 3,737   | 21           | 0.56%     |

(Top 100 Tourist Traps Worldwide)

Petikan daripada USA Today – Top 100 biggest tourist traps worldwide bertarikh 24 Ogos 2023.

<https://www.usatoday.com/money/blueprint/credit-cards/biggest-tourist-traps-in-the-world/>

**Most Overpriced Attractions Worldwide**

Search in table Page 1 of 4 >

|    | Attraction                        | City / State | Country       | Region        | Reviews | Expensive | Frequency |
|----|-----------------------------------|--------------|---------------|---------------|---------|-----------|-----------|
| 56 | Empire State Building             | New York     | United States | North America | 94,313  | 1,015     | 1.08%     |
| 57 | Lone Pine Koala Sanctuary         | Brisbane     | Australia     | Australasia   | 8,692   | 92        | 1.06%     |
| 58 | Franklin Institute Science Museum | Pennsylvania | United States | North America | 12,495  | 131       | 1.05%     |
| 59 | Salvador Dali Museum              | Florida      | United States | North America | 14,724  | 153       | 1.04%     |
| 60 | Boulders Beach Penguin Colony     | Cape Town    | South Africa  | Africa        | 4,048   | 42        | 1.04%     |
| 61 | City Palace                       | Udaipur      | India         | Asia          | 79,004  | 819       | 1.04%     |
| 62 | Hearst Castle                     | California   | United States | North America | 9,767   | 98        | 1.00%     |
| 63 | Colonial Williamsburg             | Virginia     | United States | North America | 7,846   | 78        | 0.99%     |
| 64 | Penang Hill                       | Penang       | Malaysia      | Asia          | 3,737   | 37        | 0.99%     |

(Most Overpriced Attractions Worldwide)

Petikan daripada USA Today – Top 100 biggest tourist traps worldwide bertarikh 24 Ogos 2023.

<https://www.usatoday.com/money/blueprint/credit-cards/biggest-tourist-traps-in-the-world/>

## Most Overrated Attractions Worldwide

Search in table Page 1 of 4 >

|    | Attraction                      | City / State | Country        | Region        | Reviews | Overrated | Frequency |
|----|---------------------------------|--------------|----------------|---------------|---------|-----------|-----------|
| 5  | Hollywood Walk of Fame          | California   | United States  | North America | 41,785  | 170       | 0.41%     |
| 6  | Blue Lagoon                     | Grindavik    | Iceland        | Europe        | 26,259  | 101       | 0.38%     |
| 7  | Livraria Lello                  | Porto        | Portugal       | Europe        | 56,562  | 175       | 0.31%     |
| 8  | MONA: Museum of Old and New Art | Berriedale   | Australia      | Australasia   | 10,191  | 29        | 0.28%     |
| 9  | Jardin Majorelle                | Marrakech    | Morocco        | Africa        | 38,834  | 102       | 0.26%     |
| 10 | Old Faithful Geyser             | Wyoming      | United States  | North America | 21,459  | 46        | 0.21%     |
| 11 | Stonehenge                      | Wiltshire    | United Kingdom | Europe        | 47,018  | 80        | 0.17%     |
| 12 | Spanish Steps                   | Rome         | Italy          | Europe        | 64,275  | 107       | 0.17%     |
| 13 | Tegallalang Rice Terrace        | Ubud         | Indonesia      | Asia          | 38,199  | 62        | 0.16%     |
| 14 | Penang Hill                     | Penang       | Malaysia       | Asia          | 3,737   | 6         | 0.16%     |

(Most Overrated Attractions Worldwide)